

# Perbuatan Chang menghina Islam

## Bukan Muslim tak boleh bersumpah depan al-Quran

Oleh Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Beberapa ulama dan cendekiawan Islam menyifatkan tindakan bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri keempat, Matthias Chang bersumpah di depan al-Quran sebagai penghinaan terhadap Islam dan kitab suci itu.

Mereka turut mempersoalkan niat dan pemahaman Chang mengenai Islam apabila dia meletakkan al-Quran sebaris dengan empat kitab agama lain, dalam sidang akhbar di sini kelmarin.

Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut, berkata perbuatan itu boleh menyentuh sensitiviti umat Islam yang sewajarnya dijaga, terutama dalam negara berbilang bangsa dan agama ini.

"Dalam hal ini, semua pihak perlu maklum bahawa kepentingan umum, negara dan perpaduan sesama rakyat sepatutnya diletakkan lebih tinggi berbanding kepentingan peribadi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pada sidang media hampir sejam itu, Chang yang pernah berkhidmat untuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, meletakkan lima kitab termasuk al-Quran dan Bible di hadapannya sebelum ber-

sumpah apa yang beliau cakap adalah benar.

Nooh berkata, penghinaan terhadap kitab suci itu jelas dalam perbuatan Chang.

"Kesucian al-Quran terbukti apabila ayat 79 dalam Surah al-Waqiah menegaskan tidak boleh menyentuh al-Quran kecuali di kalangan makhluk yang diakui bersih dan suci daripada hadas kecil dan besar. Ini bermakna hanya umat Islam berbuduk boleh menyentuh kitab suci itu," katanya

Beliau juga berkata, dalam Islam, sumpah tidak akan diterima tanpa

lafaz, 'walla-hi, wabilla-hi, watalla-hi' dan cara lain yang dilakukan tidak kena.

Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria, menyifatkan tindakan meletakkan al-Quran bersama kitab lain satu penghinaan kerana al-Quran terlalu suci.

"Tindakan dan kata-kata individu yang bertindak sedemikian juga sepatutnya tidak boleh diterima pakai," katanya.

Rektor Kolej Islam Darul Ridzuan di Ipoh, Prof Datuk Dr Mohamad Yusoff, berpendapat dari segi keperibadian, individu yang bersumpah dengan cara tidak betul, sepatutnya tidak boleh dipercayai.

"Mana boleh al-Quran disamakan taraf dengan kitab lain, lagi pun lelaki itu tidak beriman dengan al-Quran, jadi tentu dia tidak boleh bersumpah menggunakan kitab suci itu," katanya.

Bekas Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia itu juga menganggap perbuatan Chang jelas menunjukkan dia tidak memahami konsep bersumpah dalam Islam.

Pengkaji kebudayaan Islam, Datuk Dr Amran Kasimin, pula berkata tindakan Chang itu mungkin untuk mengukuhkan dan meyakinkan orang lain dengan kata-katanya.

*"Mana boleh al-Quran disamakan taraf dengan kitab lain, lagi pun lelaki itu tidak beriman dengan al-Quran"*

**Dr Mohamad Yusoff**  
Rektor Kolej Islam Darul Ridzuan